



## KEHIDUPAN AL-ZAHIR BAYBARS SEBELUM MENJADI SULTAN

### [THE LIFE OF AL-ZAHIR BAYBARS BEFORE BECOMING SULTAN]

MOHAMMAD SYAFIIE MUSA, WAN KAMAL MUJANI, EZAD AZRAAI JAMSARI, NAPISAH  
KARIMAH ISMAIL & NOORSAFUAN CHE NOH<sup>3</sup>

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: [inawan@ukm.edu.my](mailto:inawan@ukm.edu.my), [ezad@ukm.edu.my](mailto:ezad@ukm.edu.my), [napisah@ukm.edu.my](mailto:napisah@ukm.edu.my)

2 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Email: [noorsafuancn@unisza.edu.my](mailto:noorsafuancn@unisza.edu.my)

Corespondent Email: [noorsafuancn@unisza.edu.my](mailto:noorsafuancn@unisza.edu.my)

---

Received: 16 May 2025

Accepted: 3 June 2025

Published: 30 June 2025

---

**Abstrak:** Kajian ini meneliti kehidupan awal Sultan Al-Zahir Baybars sebelum beliau menaiki takhta Kesultanan Mamluk, dengan fokus kepada asal-usul geografi dan etnik, status sosial sebagai hamba, latihan ketenteraan, penglibatan dalam konflik utama, serta pembentukan ciri kepimpinan dan nilai keislamannya. Walaupun Baybars dikenali sebagai sultan agung, pemahaman menyeluruh tentang fasa formatif kehidupannya—daripada seorang hamba kepada pemimpin tertinggi—masih kurang diteliti, terutamanya mengenai bagaimana pengalaman awal ini membentuk karakter, strategi ketenteraan, dan legitimasi politiknya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis latar belakang geografi dan etnik Baybars, pengalamannya sebagai hamba tentera, peranan dalam pertempuran penting seperti La Forbie, al-Mansurah, dan Ain Jalut, serta nilai-nilai keislaman dan hubungannya dengan ulama sebelum menjadi sultan. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan analisis teks sejarah melalui kajian kepustakaan terhadap sumber-sumber primer seperti karya Ibn Taghribirdi, al-Maqrizi, dan Ibn Abd al-Zahir, serta sumber sekunder daripada sarjana kontemporari seperti Thorau, Ayalon, dan Amitai-Preiss. Kajian ini dijangkakan dapat menunjukkan bahawa latar belakang Baybars sebagai hamba tentera dan pengalaman medan perangnya menjadi asas kepada kepimpinan militaristik dan pragmatiknya, manakala hubungan dengan ulama dan komitmen terhadap nilai Islam menyumbang kepada legitimasi dan kestabilan pemerintahannya. Hasil kajian mendapati bahawa Baybars berasal daripada etnik Kipchak dan melalui latihan ketenteraan yang rigoros dalam sistem Mamluk. Beliau membuktikan kecemerlangan strategik dalam pertempuran seperti al-Mansurah dan Ain Jalut, yang membuka jalan kepada peningkatan pangkatnya. Pembunuhan Sultan Qutuz merupakan langkah politik terancang yang didorong oleh persaingan dalam hierarki Mamluk, bukannya semata-mata berdasarkan prinsip "pembunuhan sultan menjadi sultan". Selain itu, komitmennya terhadap nilai Islam dan hubungan erat dengan ulama telah membina asas legitimasi yang kukuh sebelum beliau memangku jawatan sultan.

**Kata kunci:** Baybars, Mamluk, Kipchak, hamba, tentera, sejarah Islam.

**Abstract:** This study examines the early life of Sultan Al-Zahir Baybars before he ascended to the throne of the Mamluk Sultanate, focusing on his geographical and ethnic origins, social status as a slave, military training, involvement in major conflicts, as well as the development of his leadership traits and Islamic values. Although Baybars is widely recognized as a great sultan, a comprehensive understanding of the formative phases of his life—from slave to supreme leader—remains underexplored, particularly regarding how these early experiences shaped his character, military strategies, and political legitimacy.

This study aims to analyze Baybars' geographical and ethnic background, his experiences as a military slave, his role in significant battles such as La Forbie, al-Mansurah, and Ain Jalut, as well as his Islamic values and his relationship with religious scholars before becoming sultan. This research employs a qualitative approach based on historical text analysis through a literature review of primary sources such as the works of Ibn Taghribirdi, al-Maqrizi, and Ibn Abd al-Zahir, as well as secondary sources from contemporary scholars like Thorau, Ayalon, and Amitai-Preiss. This study is expected to demonstrate that Baybars' background as a military slave and his battlefield experiences formed the foundation of his militaristic and pragmatic leadership, while his relationship with religious scholars and commitment to Islamic values contributed to the legitimacy and stability of his rule. The findings indicate that Baybars originated from the Kipchak ethnicity and underwent rigorous military training within the Mamluk system. He demonstrated strategic excellence in battles such as al-Mansurah and Ain Jalut, which paved the way for his rise in rank. The assassination of Sultan Qutuz was a planned political move driven by competition within the Mamluk hierarchy, rather than being solely based on the principle of "the sultan's killer becomes the sultan." Furthermore, his commitment to Islamic values and close ties with religious scholars established a solid foundation of legitimacy before he assumed the sultanate.

**Keywords:** Baybars, Mamluk, Kipchak, slave, military, Islamic history.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Mohammad Syafiee Musa, Wan Kamal Mujani, Ezad Azraai Jamsari, Napisah Karimah Ismail & Noorsafuan Che Noh. 2025. Kehidupan al-Zahir Baybars sebelum Menjadi Sultan [The Life of Al-Zahir Baybars before Becoming Sultan]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 5(2), 32-41.

## PENGENALAN

Sultan Al-Zahir Baybars merupakan salah satu tokoh ketenteraan dan politik terpenting dalam sejarah dunia Islam abad ke-13 Masihi terutamanya dalam konteks ketenteraan dan pemerintahan Mamluk. Sebelum menaiki takhta sebagai Sultan Mamluk, beliau melalui pelbagai fasa kehidupan yang mencabar sebagai hamba dan pelatih tentera. Fasa kehidupan awal ini menjadi asas penting yang membentuk karakter dan strategi kepimpinan beliau. Artikel ini akan menelusuri latar kehidupan awal Baybars secara kronologi dan analitikal mencakupi kehidupan beliau sebelum menjadi sultan dalam beberapa aspek utama termasuk asal-usul, latar keluarga, latar sosial, latihan ketenteraan dan peranan awal dalam medan pertempuran berdasarkan sumber-sumber sejarah yang utama.

## LATAR BELAKANG GEOGRAFI DAN ETNIK BAYBARS

Al-Zahir Baybars dilahirkan sekitar tahun 1223 Masihi di wilayah Dasht-i Kipchak (al-Maqrizi, 1934, 1:226), sebuah padang rumput luas yang kini meliputi kawasan Kazakhstan, Ukraine dan selatan Rusia. Beliau tergolong dalam kaum Kipchak Turki yang merupakan salah satu kelompok nomad terkenal pada abad ke-13 Masihi. Kawasan ini menjadi sasaran perluasan kuasa Mongol, menyebabkan ramai kaum Kipchak ditawan dan dijual sebagai hamba. Baybars merupakan salah satu mangsa dalam siri pemerdagangan manusia yang berlaku akibat konflik ini. Sebagai seorang budak lelaki, beliau dibawa ke kawasan Syam dan akhirnya dijual di pasar

hamba Aleppo, sebelum dibeli oleh seorang amir Mamluk yang berkhidmat di bawah Kesultanan Ayyubiyyah (Ibn Taghribirdi, 1930, 6:124). Baybars adalah daripada kalangan Mamluk bukan Arab dan beliau terkenal dengan keberanian dan kecerdasannya sejak kecil. (Ibn Abd al-Zahir, 1961, 15). Sejak kecil, beliau belajar seni peperangan dan kepahlawanan di madrasah-madrasah Mamluk (Al-Nuwayri, 1923, 27:88)

## **STATUS SOSIAL DAN KEHIDUPAN SEBAGAI HAMBA**

Pentadbiran Mamluk memberikan kebebasan istimewa kepada golongan hamba bagi peningkatan status kerjaya dalam hierarki politik dan ketenteraan (Ibn Khaldun, 2004, 253). Selepas dibeli, Baybars dibawa ke Kaherah untuk menjalani latihan intensif yang merangkumi kemahiran menunggang kuda, memanah, ilmu strategi perang, serta pendidikan agama dan bahasa Arab. Baybars menunjukkan prestasi cemerlang sehingga menarik perhatian komandan atasan. Sebagai anggota kor Bahriyyah, Baybars menjalani kehidupan yang penuh disiplin. Walaupun berstatus hamba, beliau dilayan sebagai anggota ketenteraan elit. Sistem meritokrasi dalam ketenteraan Mamluk membolehkan beliau naik pangkat berdasarkan kecekapan dan kesetiaan (Robert Irwin, 1986, 45).

## **PENGLIBATAN AWAL DALAM KONFLIK DAN KETENTERAAN**

Penyertaan awal Al-Zahir Baybars dalam bidang ketenteraan adalah suatu naratif penting yang menggambarkan transformasi seorang hamba tentera (mamluk) menjadi figura utama dalam sejarah Islam. Sebagai seorang remaja yang berasal dari kawasan Kipchak Steppe, Baybars mula-mula memasuki sistem ketenteraan Mamluk sebagai askar bawahan pada sekitar tahun 1240-an. Penglibatan pertamanya yang tercatat dalam pertempuran besar ialah dalam Pertempuran La Forbie (1244), walaupun statusnya ketika itu hanyalah sebagai anggota pasukan biasa tanpa kedudukan yang tinggi.

Menurut analisis Thorau, P. (1992, 28), meskipun tiada rekod khusus yang menyebut peranan aktif Baybars dalam pertempuran ini, pengalaman tersebut semestinya memberikan pendedahan awal yang berharga tentang taktik peperangan di Timur Tengah. Pertempuran La Forbie yang menyaksikan kekalahan besar Tentera Salib oleh gabungan Mamluk-Khwarezmia ini, seperti yang dihuraikan oleh David Nicolle (2001, 10), menjadi medan pembelajaran penting bagi Baybars untuk memahami dinamika politik dan ketenteraan rantau tersebut.

Penyertaan awal ini merupakan batu asas yang membentuk persepsi strategik Baybars, di mana beliau berpeluang memerhati secara langsung kekuatan dan kelemahan kedua-dua tentera Islam dan Salib. Pengalaman inilah yang kelak membantunya membangunkan visi ketenteraan yang lebih komprehensif ketika memegang tumpuk kepimpinan. Sebagai seorang mamluk muda, fasa awal kariernya ini jelas menunjukkan bagaimana sistem Mamluk berfungsi sebagai wadah untuk mengubah status sosial seseorang daripada hamba biasa menjadi pemimpin yang berwibawa melalui meritokrasi ketenteraan.

Lonjakan drastik dalam karier ketenteraan Baybars jelas kelihatan dalam pertempuran al-Mansurah yang berlaku pada 8-11 Februari 1250 Masihi, semasa Perang Salib Ketujuh. Berbeza dengan peranan pasifnya semasa La Forbie, di dalam pertempuran ini, Baybars muncul sebagai komandan muda yang berkaliber di bawah pimpinan Sultan Aybak. Ibn 'Abd al-Zahir (1961, 67-68) mencatatkan bagaimana beliau memainkan peranan penting dalam strategi memerangkap Tentera Salib pimpinan Louis IX dengan membenarkan kemasukan musuh ke kota sebelum melancarkan serangan balas yang menghancurkan. Amitai-Preiss, R. (1995, 31-32) pula menegaskan bahawa kejayaan taktikal ini bukan sekadar membawa kemenangan ketenteraan tetapi secara signifikan meningkatkan nama dan pengaruh Baybars dalam hierarki Mamluk. Thorau, P. (1992, 45-47) pula melihat pertempuran Al-Mansurah sebagai medan di mana bakat kepimpinan Baybars mula terserlah, sekaligus meletakkan asas untuk kenaikan pangkatnya dalam struktur pemerintahan Mamluk.

Puncak kerjaya ketenteraan Baybars sebelum menjadi sultan tercapai dalam Pertempuran Ain Jalut pada 3 September 1260 Masihi. Sebagai jeneral utama di bawah Sultan Qutuz, Baybars memikul tanggungjawab kritikal dalam menghadapi ancaman Mongol yang sebelumnya dianggap tidak terkalahkan. Amitai-Preiss (1995, 36-42) memperincikan bagaimana Baybars memimpin sayap kanan tentera Mamluk dan berjaya memancing pasukan Mongol pimpinan Kitbuqa masuk ke dalam perangkap serangan hendap yang telah disediakan. Holt, P.M. (1986, 86-88) menilai kemenangan di Ain Jalut sebagai pencapaian strategik yang tidak sekadar menyelamatkan dunia Islam dari perluasan Mongol, tetapi juga memberikan Baybars modal politik yang cukup untuk menuntut kedudukan yang lebih tinggi. Thorau, P. (1992, 78-82) menekankan bahawa kejayaan taktikal Baybars dalam pertempuran ini membuktikan kematangannya sebagai ahli strategi yang mampu menggabungkan elemen-elemen psikologi peperangan, pengetahuan medan dan pengurusan pasukan.

## **PEMBUNUHAN SULTAN QUTUZ: TRANSISI KEPADA KEKUASAAN**

Peristiwa pembunuhan Sultan Qutuz pada 24 Oktober 1260 Masihi menandakan fasa terakhir transisi Baybars ke takhta kesultanan. Menurut analisis Amitai-Preiss, R. (1995, 50-51), tindakan Baybars membunuh Qutuz dalam perjalanan pulang dari Ain Jalut merupakan langkah politik yang terancang untuk menghapuskan pesaing utamanya. Holt, P.M. (1986, 89) menafsirkan episod ini sebagai manifestasi realpolitik dalam sistem Mamluk yang kompetitif di mana merit ketenteraan dan kelicikan politik sama pentingnya untuk bertahan. Thorau, P. (1992, 90-92) pula melihatnya sebagai bukti ketegasan dan kesanggupan Baybars mengambil risiko besar untuk mencapai matlamat politiknya. Peristiwa ini bukan sekadar membolehkan Baybars menaiki takhta, tetapi juga mencerminkan bagaimana pengalaman ketenteraan yang terkumpul sejak La Forbie telah membentuknya sebagai figura politik yang pragmatik dan berketrampilan.

Analisis kronologis terhadap penglibatan ketenteraan Baybars sebelum menjadi sultan mendedahkan satu pola pembangunan kompetensi yang berterusan seperti yang digambarkan oleh al-Umari (1990, 5:59) bahwasanya keperibadian Baybars terbentuk dalam persekitaran ketenteraan yang tersendiri. Setiap pertempuran - dari La Forbie sebagai pendedahan awal, Al-Mansurah sebagai platform pengenalan, Ain Jalut sebagai puncak kecemerlangan, hingga

pembunuhan Qutuz sebagai tindakan politik terakhir, menyumbang secara kumulatif kepada pembentukan karakter kepimpinannya. Sumber-sumber primer seperti karya Ibn 'Abd al-Zahir dan analisis sarjana kontemporari menunjukkan bahawa kejayaan Baybars bukanlah produk kebetulan sejarah, tetapi hasil gabungan bakat ketenteraan, ketajaman politik dan kemampuan belajar dari setiap pengalaman. Kajian ini memperkuatkkan pemahaman kita tentang bagaimana sistem Mamluk mampu melahirkan pemimpin dari kalangan hamba tentera, sekaligus menawarkan perspektif penting tentang dinamika kuasa dalam dunia Islam abad pertengahan.

Otenkaya, Y. (2023, 12-22) di dalam isu pembunuhan ke atas Sultan Qutuz mengulas tentang permasalahan bolehkah pembunuh sultan menjadi sultan? Beliau menumpukan kajian terhadap isu legasi kuasa dan naratif legitimasi dalam sistem kesultanan Mamluk. Penulisan beliau memfokuskan kepada pembunuhan Sultan Qutuz dan perlantikan Baybars sebagai sultan. Dalam kajian ini, beliau cuba membongkarkan dua permasalahan utama iaitu kebenaran mitos yang berakar dalam wacana sejarah bahawa "sesiapa yang membunuh sultan akan menjadi sultan" dan yang kedua "siapakah sebenarnya pembunuh Sultan Qutuz?".

Berkenaan permasalahan pertama, Otenkaya, Y. (2023, 13-14) membawakan pandangan pelbagai sarjana penting termasuk yang paling utama ialah Ibn 'Abd al-Zāhir (t.th., 68-69) yang dianggap sebagai penyumbang awal kepada naratif literal bahawa Baybars menjadi sultan kerana membunuh Sultan Qutuz. Namun, Little, D.P. (1986, 5:571) menolak pandangan ini dan menyatakan bahawa naratif tersebut direka oleh Ibn 'Abd Zahir bertujuan melegitimisasikan kekuasaan Baybars semata-mata. Qāsim 'Abduh Qāsim (1998, 155) pula berpendapat bahawa pembunuhan Qutuz oleh Baybars menimbulkan persepsi bahawa kesultanan diberikan sebagai ganjaran kepada pembunuh sultan, sekaligus menyokong teori "kekuasaan milik yang terkuat" dalam sistem Mamluk. Sebagaimana Qāsim, Kanat, C. (2000, 34) menyatakan bahawa Baybars diangkat sebagai sultan kerana beliau dianggap sebagai pembunuh sultan serta amir paling berkuasa dan pencetus idea pembunuhan tersebut manakala Süleyman Özbek (2013, 168) seakan menyokong pernyataan Ibn Abd Zahir dengan menegaskan bahawa sistem pewarisan takhta melalui penunjukan putera mahkota jarang diamalkan dalam sistem Mamluk sebaliknya pemahaman "siapa yang membunuh sultan akan menjadi sultan" lebih dominan.

Di sisi lain, Abdul Aziz Huwaytīr (1978, 27) menyatakan pendapat bahawa dalam proses baiah selepas pembunuhan Sultan Qutuz, Fāris al-Dīn Aktay al-Musta'rib menasihati Baybars agar mengambil hati para amir terkemuka dengan pemberian *iqtā'* (pemberian hasil pendapatan), dan hanya setelah dia berjanji untuk memenuhi syarat ini serta melindungi kepentingan para amir terkemuka, barulah mereka memberikan baiah kepadanya. Ulrich Haarmann (1990, 133) pula mempersoalkan hubungan antara *Yasa Turk* (Undang-undang Turki) dengan konsep "siapa yang membunuh sultan akan menjadi sultan". Beliau berpendapat bahawa prinsip ini tidak benar-benar berfungsi dalam sistem Mamluk, kerana sukar untuk membuktikan kewujudan undang-undang sedemikian dalam kalangan orang Turki.

Dapat difahami bahawa sebenarnya, dalam sistem Mamluk, naiknya seseorang kepada takhta lebih bergantung kepada pemilihan oleh amir-amir terkemuka dan kehendak kolektif mereka, berbanding dengan tindakan seorang amir yang kuat membunuh atau menurunkan sultan. Malah, amir-amir terkemuka ini lebih cenderung memilih amir yang lemah atau sederhana kekuatannya untuk diangkat sebagai sultan. Namun, dalam proses tersebut, terdapat

juga kes di mana sultan "boneka" ini berjaya mengukuhkan kuasa dan autoritinya sehingga menjadi pemerintah yang autokratik.

Sejurus selepas Perang Ain Jalut, Sultan Qutuz dibunuh dalam perjalanan pulang ke Mesir, dan berkenaan permasalahan kedua iaitu siapakah pembunuh Sultan Qutuz yang sebenar, para sarjana terbahagi kepada dua kelompok. Kelompok yang pertama yang dipelopori oleh Ibn 'Abd Zahir menyatakan bahwa Baybars adalah pelaku utama pembunuhan Qutuz. Menurut narasi ini, Baybars mengaku membunuh Qutuz dan kemudian diangkat sebagai sultan berdasarkan prinsip "siapa yang membunuh sultan akan menjadi sultan". Manakala kelompok yang kedua seperti Ibn al-Dawadari dan Baybars al-Mansuri, berpandangan bahawa pembunuhan Sultan Qutuz adalah hasil konspirasi kelompok para amir yang tidak puas hati dengan beliau termasuk faksi Salihiyah dan Mu'izziyyah. Anus al-Asbahani dan Bektut al-Jawkandari disebut sebagai pelaku langsung, sementara Baybars terlibat dalam perencanaan.

Secara kesimpulannya boleh dikatakan bahawa pembunuhan Sultan Qutuz adalah hasil konspirasi kolektif oleh para amir elit Mamluk dan bukan tindakan individual oleh Baybars. Prinsip "siapa yang membunuh sultan akan menjadi sultan" lebih merupakan konstruksi politik untuk melegitimasi kekuasaan Baybars daripada norma yang berlaku di kesultanan Mamluk dan perlu dibaca dalam konteks politik praktis, bukan sebagai hukum tetap. Kekuasaan Mamluk pada hakikatnya lebih bersifat oligarkis, dengan para amir elit sebagai watak utama.

## **CIRI KEPIMPINAN AWAL DAN KARISMA PERIBADI**

Kepimpinan Baybars menyerlah walaupun sebelum menjadi sultan. Beliau telah memainkan peranan diplomatik dan pentadbiran dalam kerajaan Mamluk. Kepimpinan beliau bukan sahaja dilihat dari sudut ketenteraan, tetapi juga dalam pengurusan logistik, pembentukan pakatan, dan kawalan moral tentera.

Ibn Wasil (2004, 213) dalam menyifatkan keperibadian Baybars sebelum menjadi sultan, menyatakan dengan ungkapan bahwasanya "Baybars sebelum menjadi raja, beliau tergolong dalam kalangan Mamluk muda yang dikenali dengan sifat-sifat yang istimewa". Penyataan ini disokong oleh pakar sejarah Mamluk, Prof. David Ayalon (1979, 45-46) dengan menegaskan bahawa Baybars memang menonjol sejak muda kerana kecekapan ketenteraannya dan kecerdasan politik. Dr. Amalia Levanoni (1995, 72) menyatakan bahawa sifat istimewa seperti yang digambarkan oleh Ibn Wasil merujuk kepada kualiti kepimpinan, keberanian serta ketaatannya kepada sistem Mamluk iaitu kepentingan kolektif dan hierarki ketenteraannya.

Menurut Ibn Taghribirdi (1930, 112), sifat istimewa yang ada pada Baybars mencakupi keahlian berkuda dan strategi perang serta karisma dan kemampuan memimpin pasukan. Manakala Prof. Peter Thorau (1992, 33-34) pula menghuraikan penyataan Ibn Wasil berkenaan status Baybars sebagai Mamluk muda sebelum menjadi sultan menunjukkan bahawa sistem Mamluk memberi peluang kepada bakat-bakat luar biasa tanpa memandang faktor usia.

Al-Maqrizi (1997, 1:510) menegaskan bahawa pemilihan Sultan al-Zahir Baybars (1260–1277 M) didasarkan pada prestasi ketenteraannya yang gemilang sejak masa muda. Hal ini merujuk kepada peranan Baybars dalam kemenangan di dalam pertempuran Ayn Jalut (1260 M) melawan Mongol seperti yang dinyatakan oleh David Ayalon (1979, 12) dan Thorau, P. (1992, 112) dan kepemimpinan Baybars dalam mengemudi pasukan Mamluk Bahriyyah seperti kenyataan Levanoni, A. (1995, 34). Northrup, L. (1998, 78) menambah bahawa pemilihan

Baybars juga melibatkan persetujuan para elit mamluk bagi tujuan stabiliti pasca-kekacauan politik.

Sebagai rumusan, dapat disimpulkan bahawa kepimpinan Sultan al-Zahir Baybars telah menonjol sejak sebelum beliau memegang tampuk pemerintahan, sebagaimana yang digambarkan oleh sumber-sumber sejarah dan sarjana kontemporari. Keistimewaan Baybars bukan sahaja terletak pada kecermerlangan ketenteraannya, seperti yang dibuktikan dalam Pertempuran 'Ayn Jalut (1260 M), tetapi juga meliputi kebijaksanaan politik, kecekapan logistik, dan kemampuan membentuk pakatan strategik. Sifat-sifat kepimpinan ini telah diakui oleh Ibn Wasil (2004), Ibn Taghribirdi (1930), dan Al-Maqrizi (1997), yang menekankan keperibadian karismatik, ketaatan kepada hierarki Mamluk, serta kemahiran taktikal beliau.

Pandangan sarjana moden seperti Ayalon (1979), Levanoni (1995), dan Thorau (1992) turut memperkuuh pemahaman bahawa sistem Mamluk memberi ruang kepada individu berbakat seperti Baybars untuk bangkit berdasarkan merit, tanpa terikat oleh usia atau latar belakang.

Secara keseluruhan, analisis historiografi ini membuktikan bahawa kejayaan Baybars sebagai pemimpin berpunca daripada gabungan bakat semula jadi, latihan ketenteraan yang kukuh, dan kemampuan beradaptasi dengan struktur politik Mamluk. Ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamika kepimpinan dalam kesultanan Mamluk, khususnya dalam konteks mobiliti sosial dan meritokrasi dalam sistem ketenteraan Islam zaman pertengahan.

## **NILAI-NILAI KEISLAMAN DAN SOKONGAN ULAMA**

Sebelum menaiki takhta sultan, Baybars sudah dikenali sebagai seorang yang memperlihatkan komitmen terhadap nilai-nilai Islam seperti keadilan, keberanian, dan kesetiaan kepada Islam. Beliau sering mendekati para ulama dan memberi penghormatan kepada institusi agama. Sokongan ulama merupakan aset penting dalam sistem politik Mamluk. Sebagai contoh, Baybars menjadi antara tokoh awal yang menghidupkan kembali institusi Khalifah Abbasiyyah di Kaherah selepas kejatuhan Baghdad. Walaupun ini berlaku selepas beliau menjadi sultan, namun asasnya sudah terbentuk sejak beliau berada dalam sistem hamba dan tentera.

Ibn Abd Zahir (t.th, 45) menggambarkan Baybars sebagai seorang yang tegas dalam menegakkan keadilan dan hukum Islam bahkan sebelum memegang tampuk pemerintahan. Penyataan ini disokong oleh Northrup, L. (1998, 28-30) yang menyatakan bahawa Baybars telah menunjukkan kesungguhan dalam memelihara syariat Islam sejak zaman awal ketenteraannya, termasuk memastikan pasukannya tidak melanggar hak rakyat awam.

Ibn al-Dawadari (1965, 7:396) dan al-Yunini (2002, 1:367) menegaskan bahawa Baybars adalah seorang yang berani sebagaimana yang diperlihatkan di dalam pertempuran Ayn Jalut. Keberanian ini didasari oleh nilai pengorbanan demi Islam, yang kemudiannya menimbulkan kekaguman daripada para ulama dan rakyat biasa terhadapnya. Manakala Ayalon, D. (1979, 52) pula menghuraikan bahawa keberanian Baybars ketika menentang Mongol bukan sekadar sebahagian daripada strategi ketenteraan semata-mata, tetapi juga didorong oleh semangat jihad.

Al-Maqrizi (1934, 1:502) mencatatkan bahawa Baybars mempunyai hubungan yang rapat dengan ulama bahkan sebelum menjadi sultan. Beliau kerap berunding dengan ulama

terkemuka seperti Ibn Daqiq al-'Id dan Al-'Izz al-Din 'Abd al-Salam dalam hal pemerintahan walaupun sebelum menjadi sultan. Menurut Levanoni, A. (1995, 67) sokongan ulama adalah faktor penting dalam legitimasi politik Mamluk dan Baybars sangat memahami bahawa hubungan baik dengan ulama akan mengukuhkan kedudukannya dalam hierarki Mamluk.

Holt, P.M. (1986, 94) berpendapat bahawa walaupun penghidupan semula Khilafah Abbasiyah di Kaherah berlaku selepas Baybars menjadi sultan, tetapi asasnya telah lama bermula melalui interaksi dengan para ulama yang mendokong idea pemulihian khilafah tersebut. Bahkan Ibn Kathir (1932, 13:202) menyatakan hakikat bahawa Baybars telah menunjukkan minat terhadap institusi khilafah sejak era Sultan Qutuz, menunjukkan kesinambungan visi Islamiknya.

Al-Maqrizi (1934, 247) menulis bahawasanya Baybars sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu dan bertanya mengenai persoalan-persoalan yang mendalam. Ini menunjukkan ketekunannya dalam menimba ilmu serta minatnya yang mendalam terhadap perbahasan intelektual. Sifat ini mencerminkan keperibadian Baybars yang disantuni dengan tradisi keilmuan Islam yang menekankan pentingnya dialog dan penjelasan terperinci dalam memahami disiplin ilmu. Al-Ayni (1936, 2:56) pula dalam memberi gambaran tentang sifat mulia dan komitmen yang ada pada Baybars telah memuji beliau dengan ungkapan "kami mencintainya kerana kejujurannya dan kesetiaannya terhadap janji". Ungkapan ini menggambarkan integriti peribadi dan komitmen Baybars dalam memenuhi tanggungjawab, yang merupakan nilai teras dalam tradisi Islam. Ini secara tidak langsung memperkuatkan gambaran tentang keperibadiannya yang unggul, baik dari segi intelektual maupun akhlak.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kehidupan awal Sultan al-Zahir Baybars memperlihatkan bagaimana seorang individu dari latar belakang hamba dapat berkembang menjadi pemimpin agung dalam dunia Islam melalui sistem meritokratik Mamluk yang unik. Pengalaman beliau sebagai Mamluk dari kaum Kipchak, latihan ketenteraan yang intensif, serta penyertaan dalam pertempuran besar seperti La Forbie, al-Mansurah, dan 'Ayn Jalut telah membentuk kepimpinan strategik dan ketenteraan yang cemerlang. Dalam setiap fasa kehidupannya sebelum menjadi sultan, Baybars menunjukkan kecemerlangan dari aspek keberanian, kebijaksanaan politik, dan kecekapan pengurusan, seperti yang ditegaskan oleh sarjana klasik seperti Ibn Taghribirdi, Ibn Wasil dan al-Maqrizi serta disokong oleh pengkaji moden seperti Thorau, Ayalon dan Levanoni.

Tambahan pula, komitmen Baybars terhadap nilai-nilai Islam dan hubungannya yang erat dengan para ulama sebelum menjadi sultan menunjukkan bahawa kepimpinannya bukan hanya diasaskan atas kekuatan ketenteraan, tetapi juga dibina atas asas keagamaan dan sokongan institusi keilmuan. Sokongan ulama seperti Ibn Daqiq al-'Id dan al-'Izz al-Din ibn Abd al-Salam serta usaha awal Baybars menghidupkan semula institusi Khilafah menunjukkan kefahaman beliau terhadap keperluan legitimasi spiritual dalam politik Mamluk.

Selain itu, transformasi Baybars daripada seorang hamba kepada komandan utama dan seterusnya Sultan mencerminkan dinamik meritokrasi dalam sistem Mamluk, di mana kecemerlangan ketenteraan dan kebijaksanaan politik menjadi penggerak mobiliti sosial.

Kajian ini memperkuuh pemahaman bahawa kepimpinan Baybars tidak lahir secara mendadak sejurus beliau menaiki takhta, tetapi merupakan hasil proses panjang yang melibatkan pengorbanan, pembelajaran berterusan, dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang sejak usia muda. Keunggulan beliau sebagai tokoh ketenteraan dan politik adalah cerminan sistem sosial Mamluk yang memberikan ruang kepada individu berbakat untuk bangkit melalui jalur merit, sekali gus membuktikan bahawa gabungan antara keteguhan peribadi, sistem sokongan intelektual, dan pengalaman medan tempur yang luas mampu melahirkan pemimpin agung dalam sejarah peradaban Islam.

## RUJUKAN

- Abdül Aziz Huwaytir. 1978. *Baibars The First: His Endeavours and Achievements*, London: The Green Mountain Press.
- Amitai-Preiss, Reuven. 1995. *Mongols and Mamluks: The Mamluk-Ilkhanid War, 1260–1281*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ayalon, D. 1979. *The Mamluk Military Society*. London: Variorum.
- Al-Ayni.** 1936. *Iqd al-Juman*, Jld. 2, Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah.
- Haarmann, U. 1990. *Regicide and the Law of the Turks*, Intellectual Studies on Islam: Essays in Honor of Martin B. Dickson, ed. Michel M. Mazzaoui, Salt Lake City: University of Utah.
- Holt, P.M. 1986. *The Age of the Crusades: The Near East from the Eleventh Century to 1517*. London: Longman.
- Ibn ‘Abd al-Zahir, Muhyi al-Din. 1976. *Al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* (ed. ‘Abd ‘Aziz bin ‘Abd Allah al-Khuwaitir. Al-Riyadh: t.pt.
- Ibn al-Dawādārī, Abū Bakr b. ‘Abd Allāh b. Aybak. 1965. *Kanz al-durar wa jāmi‘ al-ghurar*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Ibn Kathir. 1932. *Al-Bidayah Wa al-Nihayah*, Kaherah: Dar al-Maarif.
- Ibn Khaldun. 2004. *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taghribirdi. 1930. *Al-Nujūm al-Zāhirah fī Mulūk Miṣr wa al-Qāhirah*. Jld. 6. Kaherah: Dar al-Kutub.
- Ibn Wasīl, Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Sālim. 2004. *Mufarrij al-Kurūb fī Akhbār Banī Ayyūb*, Jld. 2, Beirut: Dār al-Fikr.
- Irwin, Robert. 1986. *The Middle East in the Middle Ages*. Carbondale: Southern Illinois University Press.
- Kanat, C. 2000. *Bahrî Memlûklar Zamanında Sultanlara ve Devlet Adamlarına Düzenlenen Bazi Suikastlar*, Türk Kültürü İncelemeleri Dergisi 3.
- Levanoni, A. 1995. *A Turning Point in Mamluk History: The Third Reign of al-Nāṣir Muhammad ibn Qalāwūn*. Leiden: Brill.
- Little, Donald P. 1986. *The Encyclopaedia of Islam*, Ed. 2, Leiden: E.J Brill.
- Al-Maqrizi.** 1934. *Al-Sulūk li-Ma‘rifat Duwal al-Mulūk*. Kaherah: Lajnat al-Ta’līf wa al-Tarjamah.
- Nicolle, D. 2001. *Knight Hospitaller (2): 1306-1565*. Osprey Publishing.
- Northrup, Linda. 1998. *From Slave to Sultan: The Career of al-Mansur Qalawun*. Stuttgart: Steiner.

- Al-Nuwayri. 1923. *Nihayat al-Arab*, Jld. 27, Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyya.
- Otenkaya, Y. 2023. "El-Melikü 'z-Zâhir Baybars 'in Sultanlığı Meselesi: Sultan Öldüren Sultan Olur mu? İlahiyat Tetkikleri Dergisi 59/1.
- Al-Qalqashandi. 1913. *Şubh al-A 'shā*, Jld. 4, Kaherah: Dar al-Kutub.
- Qāsim 'Abduh Qāsim. 1998. *al-Sultan al-Muzaffar Sayf al-Din Qutuz: Batal Ma'rakat 'Ayn Jalut*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Süleyman Özbek. 2013. *Memlüklerde Meşruiyet Arayışları ve Saltanat İnşasına Yönelik Çabalar 'Sultan Öldüren Sultan Olur*, Tarih Araştırmaları Dergisi 32/53.
- Thorau, P. 1992. *The Lion of Egypt: Sultan Baybars I and the Near East in the Thirteenth Century*, London: Longman.
- Al-Umari, 1990. *Masalik al-Absar*, jil. 5, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah.
- Al-Yunini. 2002. *Dhayl Mir 'āt al-Zamān fī Tarikh al-A 'yan*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.